

RM200,000 lagi diperlukan

SUNGAI MANGGIS - Peruntukan sebanyak RM200,000 masih diperlukan untuk membina sistem perparitan sepanjang 150 meter dan dua buah kunci air di Kampung Fatimah, Sungai Manggis bagi mengelakkan limpahan air akibat hujan lebat.

Difahamkan, perparitan itu perlu digantikan dengan perparitan konkrit untuk mengelakkan masalah banjir setiap kali hujan lebat.

Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Fatimah, M. Kunasekaran berkata, peruntukan RM200,000 yang disalurkan melalui Kementerian Sumber Asli sebelum ini sudah digunakan bagi menaik taraf sistem perparitan sepanjang 470 meter mengelilingi rumah di sini.

Menurutnya, kini 37 buah keluarga berasa lega apabila perparitan mengelilingi rumah mereka sudah dinaik taraf sekaligus mengelakkan masalah kenaikan air.

“Bagaimanapun, sistem saliran tambahan di kampung berkenaan perlu diberi perhatian akibat lokasinya terletak berhampiran tebing sungai sekaligus dikhawatiri menyebabkan masalah banjir di kawasan tersebut.

“Selain itu, penduduk memohon jasa baik kepimpinan yang ada supaya turun padang melihat sendiri keadaan perparitan dan mengenalpasti kemudahan



Sebahagian penduduk Kampung Fatimah yang kini boleh menarik nafas lega apabila sistem perparitan di kawasan mereka dinaik taraf.

itu yang perlu dinaik taraf,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian*, semalam.

Dalam pada itu, mesyuarat bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memaklumkan, sekiranya Kerajaan Negeri dapat meluluskan peruntukkan untuk menaik taraf tebing sungai berhampiran kampung berkenaan, ia membantu mengelakkan masalah banjir daripada terus berlaku.

Kunasekaran berkata, dia turut memohon kepada Kerajaan Negeri supaya menepati janji kerana pelbagai mesyuarat disertainya namun sehingga kini masih tiada tindakan.

Katanya, penduduk di Kampung Fatimah tidak mahu berasa terabai hanya disebabkan proses permohonan lambat dan tiada tindakan lanjut daripada pihak terlibat bagi mengatasi masalah mereka.